

Komentor 5

Jiang Zemin dan PKC Saling Memperalat untuk Menindas Falun Gong

Pendahuluan

Zhang Fuzhen, wanita, berumur lebih kurang 38 tahun, bekas pekerja Taman Xianhe, kota Pingdu, wilayah Shandong. Pada bulan November 2000, dia telah pergi ke Beijing untuk membuat rayuan untuk Falun Gong, dan selepas itu dia telah diculik. Mengikut maklumat dalaman, pihak polis telah menanggalkan semua pakaiannya, mencukur rambutnya sehingga botak, menganiayai dan menghinanya. Mereka mengikatnya pada katil dengan kaki tangannya terbentang luas dan dia terpaksa membuang air kecil dan besar di atas katil. Kemudian, pihak polis telah menyuntikkannya dengan sejenis racun yang tidak dikenali namanya. Setelah disuntik, Zhang Fuzhen mengalami kesakitan dan bertindak seperti orang gila. Dia meronta-ronta di atas katil sampai mati. Seluruh proses ini telahpun disaksikan oleh pegawai-pegawai tinggi dan rendah di "Pejabat 610". (Laporan laman web Clearwisdom, 23 Julai 2004) [1]

Yang Lirong, wanita, 34 tahun, berasal daripada Jalan Beimen, kota Dingzhou, daerah Baoding, wilayah Hebei. Disebabkan dia melatih Falun Gong, anggota-anggota keluarganya sering diganggu dan diancam oleh pihak polis. Pada malam 8 Februari 2002, setelah polis meninggalkan rumahnya selepas membuat siasatan, suaminya, seorang pemandu di Jabatan Meteorologi, takut akan kehilangan kerjanya, dan kerana tidak dapat menahan tekanan, pada awal pagi keesokannya, ketika orang tuanya tiada di rumah, telah mencekik mati isterinya. Yang Lirong mati secara tragik meninggalkan seorang anak lelaki yang berumur 10 tahun. Selepas itu, dengan serta-merta, suaminya telah melapor kepada pihak polis. Polis mengejar ke tempat kejadian dan telah menjalani bedah siasat terhadap mayat Yang Lirong, dan banyak organ telah diambil. Ketika organ-organ itu dikeluarkan daripada tubuhnya, organ-organ itu masih membebaskan wap panas dan darah masih mengalir keluar. Seorang pegawai daripada Jabatan Keselamatan kota Dingzhou berkata, "Masakan ini bedah siasat terhadap mayat! Ini sebenarnya membedah manusia hidup." (Laporan Laman web Clearwisdom, 25 September 2004) [2]

Di Kem Buruh Paksa Wanjia, Wilayah Heilongjiang, seorang wanita yang sudah mengandung selama 6 hingga 7 bulan, telah diikat kedua-dua belah tangannya pada kayu alang, kemudian bangku yang dipijaknya ditendang ke sebelah, menyebabkan seluruh badannya tergantung di udara. Kayu alang itu setinggi tiga meter dari lantai. Satu hujung tali kasar itu terpasang pada kapi di kayu alang, dan satu hujung lagi di tangan polis penjara. Apabila polis itu menarik, orang itu pun tergantung di udara. Apabila dilepaskan tangannya, orang itu pun jatuh ke bawah dengan laju. Di bawah penderitaan yang tidak terperi sebegini, wanita yang hamil ini telah diseksa sehingga anaknya tergugur. Yang lebih kejam lagi ialah polis telah mengarahkan suaminya berdiri di sisinya untuk menyaksikan isterinya mengalami seksaan ini. (Laman web Minghui, 15 November 2004. Laporan temuramah dengan Wang Yuzhi yang telah mengalami seksaan selama lebih 100 hari di Kem Buruh Paksa Wanjia). [3]

Peristiwa-peristiwa kejam yang mengerikan ini telah berlaku di Negeri China zaman kini, berlaku ke atas pengamal-pengamal Falun Gong yang sedang mengalami penindasan. Dan ini cuma merupakan serpihan kes penyeksaan yang tidak terhitung bilangannya, yang berlaku berterusan selama lima tahun ini.

Sejak Reformasi Ekonomi dan Keterbukaan, PKC telah bertungkus-lumus untuk membentuk satu imej yang positif dan liberal di komuniti antarabangsa. Akan tetapi, penindasannya terhadap Falun Gong dalam beberapa tahun ini, yang berkelumuran darah dan tidak rasional, meliputi kawasan yang meluas, menggunakan taktik yang sekuat-kuatnya dan kejam, sekali lagi membiarkan komuniti antarabangsa memperlihatkan wajah sebenar PKC. Ini telahpun menjadi keaiban PKC yang paling besar dalam hak asasi manusia. Tatkala orang ramai sudah biasa dengan sikap suka menyalahkan pihak polis atas mutu perkhidmatan yang rendah, dan salah menganggap bahawa PKC sedang bertambah baik dan maju, penindasan yang zalim terhadap Falun Gong yang terancang rapi dan yang bersistematik dari atas ke bawah, yang merangkumi kawasan yang sebegitu luas, telah menghancurkan angan-angan orang ramai secara total. Banyak orang mula merenung mengapakah penindasan yang berkelumuran darah dan yang tidak masuk akal ini boleh terjadi di Negara China? Mengapakah keadaan sosial yang baharu sahaja menjadi mantap setelah kejadian huru-hara semasa Revolusi Kebudayaan pada 20 tahun dahulu, dan kini Negara China sekali lagi terjerumus ke dalam kitaran kejahatan? Mengapakah Falun Gong yang berprinsipkan “Sejati, Baik, Sabar” yang telah tersebar ke lebih daripada 60 buah negara, hanya ditindas di Negara China? Apakah kaitan Jiang Zemin dengan PKC dalam proses penindasan ini?

Jiang Zemin yang tidak berintegriti moral dan tidak berkemampuan, jika tanpa bantuan daripada PKC, satu jentera keganasan yang beroperasi dengan rapi, khusus untuk membunuh orang dan membuat dusta, dia sama sekali tidak mampu untuk mencetuskan suatu gerakan pembunuhan beramai-ramai yang merangkumi seluruh Negara China malahan di sebarang laut. Begitu juga, di bawah iklim antarabangsa dengan PKC sedang mengamalkan polisi keterbukaan dan ingin menjalinkan hubungan dengan dunia, jika tanpa Jiang Zemin, satu diktator zalim yang bersifat bermaharajalela, PKC juga susah hendak bergerak bertentangan dengan arus sejarah. Tepat kerana pakatan sulit dan resonansi antara Jiang Zemin dengan roh jahat PKC, baharulah Jiang dan PKC dapat saling memperalat antara satu sama lain untuk memperbesar kezaliman penindasan ini kepada suatu tahap yang tidak pernah ada dalam sejarah. Keadaan ini adalah sama dengan resonansi antara suara pendaki gunung dengan salji terhimpun yang boleh mengakibatkan malapetaka dalam bentuk runtuh salji.

I. Latar Belakang Yang Sama Membawa Persepsi Krisis Yang Sama

Jiang Zemin dilahirkan pada tahun 1926, tepat dengan masa China menghadapi bencana. Seperti PKC yang sentiasa menyelubungi rahsia keganasan daripada diketahui oleh rakyat, Jiang Zemin juga sentiasa menutupi sejarahnya sebagai pengkhianat daripada diketahui oleh PKC dan rakyat.

Ketika Jiang Zemin berumur 17 tahun, Perang Anti-Fasis di dunia sudahpun merebak. Tatkala mudamudi patriotik sedang berkejaran ke barisan depan untuk menentang Jepun dan menyelamatkan Negara China, Jiang Zemin pula telah memilih untuk menerima pendidikan tinggi di Universiti Pusat yang diasaskan oleh kerajaan boneka Wang Jinwei di Nanjing pada tahun 1942. Mengikut siasatan daripada pelbagai sumber, sebabnya ialah Jiang Shijun, bapa kandung bagi Jiang Zemin, adalah merupakan pegawai tinggi dalam organisasi Propaganda Anti-China dalam Tentera Jepun ketika Jepun menakluki Wilayah Jiangsu. Jiang Shijun betul-betul ialah seorang pengkhianat kepada China.

Daripada aspek pengkhianatan yang membelot terhadap negara, Jiang Zemin mempunyai sifat yang sama dengan PKC: Tidak mengasihi dan tidak bertimbang rasa terhadap rakyat China dan sanggup membunuh rakyat China dengan sembarangan.

Setelah PKC menang dalam perang saudara, demi memasuki PKC untuk mengejar kemewahan, Jiang Zemin telah membuat kenyataan palsu yang mengatakan bahawa dia telahpun dibesarkan oleh bapa

saudaranya Jiang Shanggong yang telah memasuki PKC pada peringkat awalnya, dan kemudiannya ditembak mati oleh pengganas. Dengan memperalat hubungan demikian, dalam tempoh beberapa tahun, dia sudah dinaik pangkat daripada seorang pegawai rendah menjadi Timbalan Menteri Perusahaan Elektronik. Dengan sepintas pandang, sudah ternyata bahawa kenaikan pangkat Jiang Zemin bukanlah berdasarkan kemampuannya, tetapi adalah bersandarkan pada penjalinan hubungan perseorangan dan pengampuan. Ketika Jiang Zemin memegang jawatan sebagai setiausaha Kota Shanghai, dia berikhtiar penuh untuk mengambil hati anggota-anggota ulung PKC seperti Li Xiannian dan Chen Yun [4] yang datang meraikan musim bunga di Shanghai pada setiap tahun. Bahkan sebagai setiausaha Kota Shanghai, dia pernah berdiri dalam salji selama beberapa jam, bagi menunggu untuk menyampaikan secara peribadi sebuah kek harijadi kepada Li Xiannian.

Pembunuhan beramai-ramai “4 Jun” pada tahun 1989 ialah satu lagi titik tolak dalam riwayat hidup Jiang Zemin. Dengan menindaskan “Bentara Ekonomi Dunia”, sebuah surat khabar yang berani mengkritik, mengenakan penahanan rumah terhadap Wan Li, Ketua Kongress Rakyat, dan menyokong penindasan “4 Jun”, Jiang Zemin telah berjaya menjadi setiausaha agung PKC. Sebelum pembunuhan beramai-ramai berlaku, Jiang Zemin sudahpun menghantar surat sulit kepada Deng Xiaoping, memohon Deng mengambil “langkah tegas”, dan jika tidak, “parti dan negara tidak terjamin”. Selama 15 tahun ini, atas alasan ‘kestabilan lebih penting daripada segala-galanya’, Jiang telah melaksanakan penindasan dan pembunuhan secara sewenang-wenangnya terhadap mereka yang tidak bersefahaman dengannya dan pertubuhan-pertubuhan kepercayaan yang bebas.

Sejak tahun 1991, tatkala kedua-dua pihak China dan Russia mulai membuat survei terhadap sempadan negara, Jiang Zemin telah mengaku serangan Russia Tsar dan bekas Kesatuan Soviet terhadap Negeri China, dan telah menerima secara bulat-bulat segala perjanjian yang tidak adil antara Russia dan Negeri China, yang sejak Perjanjian Aigun ditandatangani. Tanah China yang telah dikhianatinya adalah seluas lebih daripada satu juta kilometer persegi.

Meninjau sejarah ringkas Jiang Zemin: Sebagai anak sulung kepada pengkhianat, dia menyamakan diri sebagai anak yatim kepada seorang yang telah mengorbankan diri demi kepentingan parti, diri-sendirinya telah mengamalkan petua “menipu” yang menjadi amalan PKC. Dia menyokong pembunuhan beramai-ramai “4 Jun”, dan menindas gerakan demokratik dan kepercayaan agama, dan diri-sendirinya telah mengamalkan petua “membunuh” yang menjadi amalan PKC. PKC sebagai cawangan Timur Jauh bagi Komunis Antarabangsa, pernah menurut perintah Kesatuan Soviet dalam segala-gala aspek, dan kini Jiang Zemin pula telah menyerahkan tanah dengan percuma, dengan itu diri-sendirinya telah mengamalkan petua “khianat” yang menjadi amalan PKC.

Jiang Zemin dan PKC mempunyai sejarah latar belakang yang sama yang mengaibkan, maka sudah tentu kedua-duanya mempunyai rasa kebimbangan yang amat sangat terhadap kuasa mereka.

II. Jiang Zemin Dan PKC Sama-sama Takut Kepada “Benar, Baik, Sabar”

Sejarah Pergerakan Komunis Antarabangsa dicatatkan dengan penumpahan darah ratusan juta nyawa orang. Hampir setiap negara komunis pernah mengalami penumpasan kontra-revolusi seperti yang telah dilakukan oleh Stalin di bekas Kesatuan Soviet. Berjuta-juta malah berpuluh-puluh juta orang yang tidak berdosa telah dibunuh. Pada 1990-an abad yang lalu, Kesatuan Soviet telah dibubarkan dan Eropah Timur telah mengalami perubahan yang mendadak. Blok Komunis telah kehilangan sebahagian besar wilayahnya dalam satu malam. Daripada peristiwa ini, PKC mendapat pengajaran bahawa sekiranya menghentikan penindasan dan memberikan peluang untuk bercakap bebas, maka itu adalah sama dengan mencari mautnya sendiri. Jika rakyat dibenarkan bercakap bebas, bagaimanakah PKC hendak menutup rahsia keganasannya yang berkelumuran darah itu? Bagaimanakah hendak memberi justifikasi terhadap ideologinya yang bercorakkan penipuan? Jika dihentikan penindasan, bukankah rakyat sudah terbebas daripada ancaman yang mengerikan, lantas

berani memilih corak kehidupan dan kepercayaan yang berlainan daripada Parti Komunis? Kalau begitu di manakah letaknya dasar masyarakat yang dapat disandarkan oleh Parti Komunis?

Walaupun bagaimanapun sekalipun PKC berubah, tidak akan jauh berbeza daripada sifat pokoknya. Oleh itu, perbuatan menipu dan menindas rakyat semestinya dilakukan dengan sehabis-habisnya. Inilah kesimpulan yang dapat dibuat, di bawah keadaan ketakutan yang teramat sangat oleh Jiang Zemin yang pernah melaungkan “membasmikan segala unsur yang tidak stabil pada peringkat percambahannya” selepas peristiwa “4 Jun”.

Dalam tempoh ini, Falun Gong diperkenalkan di Negara China. Walaupun pada mula-mulanya orang ramai menganggap Falun Gong adalah sejenis Qi Gong [5] yang mempunyai kesan ajaib untuk mencegah penyakit dan menyihatkan badan, namun kemudiannya orang ramai telah beransur-ansur mendapati bahawa inti-pati Falun Gong sebenarnya bukanlah hanya 5 set pergerakannya yang mudah diamalkan, tetapi adalah membimbing orang menjadi manusia baik, dengan berprinsipkan “Sejati, Baik, Sabar”.

(i) Falun Gong Mengutamakan “Sejati, Baik, Sabar”, Sedangkan PKC Mendorong “Palsu, Jahat, Tarung”

Falun Gong memprakarsakan “Sejati”. Ini merangkumi bercakap benar dan melakukan perkara lurus, sedangkan PKC pula sentiasa mencuci otak orang dengan bercakap bohong. Jika setiap orang bercakap benar, rakyat umum akan mengetahui bahawa PKC sebenarnya mendirikan kekuasaan dengan bersandarkan pada Kesatuan Soviet, membunuh, menculik, melarikan diri, menanam candu, berpura-pura menentang Jepun dan sebagainya. “Jika tidak berbohong, maka tidak akan mencapai kejayaan besar.” Setelah membentuk pemerintahannya, PKC banyak terhutang darah dalam setiap kempen politiknya. Menggalakkan orang bercakap benar, bagi PKC, adalah sama dengan menemui hari kiamatnya.

Falun Gong memprakarsakan ‘Baik’, termasuk berperihatin terhadap orang lain dan berbaik kepada orang. Sedangkan PKC pula sentiasa menggalakkan “perjuangan kejam dan serangan tanpa berbelas kasih”. Lei Feng, hero teladan PKC pernah berkata, “Kita mesti berdarah dingin dan kejam seperti musim sejuk yang hebat terhadap musuh kita.” Sebenarnya PKC bukan sahaja bersikap demikian terhadap musuh, malah tidak sebaik mana juga terhadap orang sendiri. Pengasas-pengasas ulung PKC, panglima-panglima tertinggi, termasuk pengerusi negara pun pernah dikritik, diserang, dihentam dan disiksa tanpa belas kasih. Pembunuhan terhadap “musuh kelas” malah lebih mengerikan lagi. Jika “Baik” telah mendominasi di masyarakat, maka segala gerakan umum yang berdasarkan “jahat” tidak akan mendapat tempat.

“Manifesto Komunis” menyatakan bahawa “sehingga kini, sejarah bagi segala masyarakat adalah merupakan sejarah perjuangan kelas.” Ini mewakili pandangan sejarah dan pandangan dunia bagi Parti Komunis. Falun Gong pula memprakarsakan bahawa ketika timbul sesuatu konflik, kita sepatutnya merenung terhadap diri-sendiri. Jelaslah pandangan dunia sedemikian adalah meninjau ke arah dalaman sendiri. Ini berbeza sama sekali dengan falsafah PKC yang berprinsipkan perjuangan ke luar.

Bagi PKC, perjuangan adalah merupakan cara utama untuk memperoleh kekuasaan politik dan mempertahankan kewujudannya. Mencetuskan pergerakan politik dari semasa ke semasa untuk menganiayai orang ialah cara PKC untuk mengecis semula dan “membangkitkan semangat revolusi”. Proses keganasan dan penipuan ini yang diperkukuhkan dan diulangi semula juga merupakan proses pengembalian rasa ketakutan kepada rakyat jelata, justeru mempertahankan pemerintahannya.

Daripada sudut pandangan ideologi, falsafah yang menjadi sandaran PKC adalah bertentangan sama sekali dengan ajaran Falun Gong.

(ii) Kepercayaan Membuat Orang Tidak Takut, Sedangkan PKC Pula Bersandarkan Kepada Ketakutan Rakyat Untuk Mempertahankan Kuasa Politikanya

Orang yang sudah mengenali dan menguasai kebenaran tidak akan merasa takut. Agama Kristian pernah mengalami penindasan selama hampir 300 tahun. Ramai penganut agama Kristian telah dipancung, dibakar, dilemaskan, malah dibiarkan makan oleh singa, namun penganut-penganut agama Kristian tidak pernah tunduk kepada Raja Rom. Dalam sejarah, ketika agama Buddha mengalami bencana pemusnahan agama juga memperlihatkan sikap kukuh yang sama.

Suatu tujuan penting propaganda fahaman atheisme adalah supaya orang ramai mempercayai bahawa syurga dan neraka itu tidak wujud, juga tiada balasan baik dan buruk. Dengan itu, manusia akan membebaskan diri daripada pengekangan hati nurani dan sebaliknya mementingkan kemewahan dan keselesaan dunia hakikat. Dengan itu kelemahan sifat manusiawi baharulah dapat dimanipulasi, dan baharulah paksaan serta godaan dapat berfungsi dengan sepenuhnya. Sebaliknya, orang yang mempunyai kepercayaan mampu menembusi kebenaran hidup dan mati, dan dapat terlepas daripada ilusi dunia sekular. Godaan dunia sekular dan ancaman nyawa bagi mereka adalah ringan bagaikan bulu burung, menyebabkan PKC kehilangan dasar untuk memanipulasi orang.

(iii) Standard Moral Tinggi Falun Gong Mengaibkan PKC

Selepas Peristiwa Pembunuhan Beramai-ramai 4 Jun 1989, ideologi PKC sudah bankrap sama sekali, dan terutamanya sekali dengan keruntuhan Komunis Soviet pada Ogos 1991 dan perubahan besar di Eropah Timur yang berikutnya, telah membawa ketakutan dan tekanan yang amat hebat kepada PKC. Perkembangan situasi dalaman dan luaran yang serba rumit dan tenat telah menyebabkan keabsahan pemerintahan dan kewujudan PKC menghadapi cabaran yang tidak pernah ada sebelumnya. Ketika itu, PKC sudah tidak dapat menyatukan anggota-anggotanya dengan menggunakan doktrin asal Marxisme, Leninisme dan Maoisme. Demi mendapatkan ketaatan anggota-anggotanya, PKC telah bertukar dengan menggunakan cara-cara rasuah secara menyeluruh. Dengan kata lain, asalkan sesiapa saja sanggup mengikuti parti, parti akan membenarkannya menikmati faedah-faedah dalam bentuk rasuah yang tidak mungkin dinikmati sekiranya tidak menjadi anggota parti. Khususnya setelah lawatan Deng Xiaoping ke selatan China pada tahun 1992 [6], di China telah merebaknya aktiviti-aktiviti rasuah secara bermaharajalela di kalangan pegawai, aktiviti-aktiviti spekulatif yang bermaharajalela di bidang harta tanah dan busar saham, aktiviti-aktiviti kahwin haram, penyeludupan, pelacuran, perjudian dan penyalahgunaan dadah. Walaupun tidak boleh dikatakan dalam parti tiada seorang pun yang baik, namun rakyat umum sudah tidak lagi menaruh kepercayaan terhadap usaha anti-rasuah PKC, dan beranggapan bahawa nisbah pegawai-pegawai peringkat tengah dan tinggi sudahpun melebihi separuh ke atas.

Pada masa yang sama, taraf moral yang diperlihatkan oleh pengamal-pengamal Falun Gong yang mengamalkan prinsip “Sejati, Baik, Sabar” telah mengharukan hati sanubari orang ramai yang masih wujud. Ratusan juta orang menyanjunginya lalu masuk melatih. Cermin moral Falun Gong ini telah memancarkan segala sifat PKC yang tidak lurus.

(iv) Perkembangan Dan Corak Pengurusan Falun Gong Menyebabkan PKC Berasa Cemburu

Corak perkembangan Falun Gong adalah daripada seorang kepada seorang, dan daripada hati ke hati, dan corak pengurusannya adalah bebas masuk dan keluar, dan tidak ketat pengurusannya. Ini berbeza

sama sekali dengan pembentukan organisasi PKC yang amat ketat. Namun demikian, pelajaran politik dan kehidupan secara berkumpulan yang dikendalikan sekali atau beberapa kali seminggu oleh PKC cuma wujud pada nama sahaja. Penerimaan anggota-anggota terhadap ideologi PKC hampir ketinggalan kosong, sedangkan pengamal-pengamal Falun Gong pula, dengan penuh kesedaran, mengamalkan “Sejati, Baik, Sabar”. Pada masa yang sama, kesan Falun Gong terhadap peningkatan mutu kesihatan dan moral manusia telah menyebabkan bilangan pelatuhnya bertambah berlipat ganda. Dengan penuh kesedaran dan kerelaan, pengamal-pengamal mempelajari siri karya-karya En. Li Hongzhi dan menyebarkan ajarannya atas perbelanjaan sendiri. Dalam masa 7 tahun yang singkat sahaja, bilangan pelatuhnya sudah meningkat daripada tiada kepada seratus juta orang. Ketika itu, hampir semua taman awam di China juga dapat kedengaran iringan muzik latihan Falun Gong pada pagi hari.

PKC menuduh bahawa Falun Gong merebut orang ramai dengan PKC, dan adalah merupakan “agama”. Sebenarnya Falun Gong telah membawa kepada orang ramai sejenis kebudayaan dan cara hidup, kebudayaan nenek-moyang orang China yang sudah lama kehilangan dan merupakan akar umbi tradisi. Falun Gong telah menyebabkan Jiang Zemin dan PKC sebegitu takut kerana sebaik sahaja moral tradisi ini berasimilasi dan bersatu dengan orang ramai, maka apa-apa kuasa pun tidak dapat menyekat perkembangannya yang begitu deras. Nilai-nilai tradisi ini telahpun diputuskan dan diubahkan oleh PKC secara paksaan selama beberapa puluh tahun, dan menyambut semula tradisi adalah merupakan pilihan sejarah, adalah sejenis pengembalian semula yang dipilih oleh orang ramai setelah mengalami banyak kesengsaraan. Hasil daripada pilihan ini semestinya ialah kemampuan untuk membezakan betul dan salah, dan menyingkirkan kejahatan, dan semestinya adalah merupakan penafian dan penyingkiran terhadap corak PKC daripada dasarnya. Ini adalah seperti tertekan kelemahan PKC yang akan membawa maut kepadanya, terutama sekali apabila bilangan pelatih Falun Gong sudahpun melebihi bilangan anggota PKC, ketakutan dan kecemburuan dari hati sanubari PKC dapatlah dibayangkan.

Pada masa yang sama, selama ini PKC melaksanakan kawalan secara menyeluruh terhadap masyarakat. Di luar bandar, “setiap kampung pun mempunyai cawangan parti”. Di kawasan bandar, cawangan Parti telah menyerap ke dalam pejabat-pejabat di setiap jalan. Pada aras terendah di pasukan tentera, kerajaan dan perusahaan, juga terdapatnya pertubuhan parti. Monopoli mutlak dan eksklusif, adalah merupakan taktik PKC untuk mempertahankan kuasa politiknya. Dalam “Perlembagaan” disebut sebagai “teguh terhadap kepimpinan parti”. Namun, jelas bahawa pengamal Falun Gong lebih rela bersandarkan “Sejati, Baik, Sabar” sebagai standard. Daripada sudut pandangan PKC, ini adalah sama dengan “menafikan kepimpinan parti” yang sama sekali tidak dapat diterima.

(v) Parti Komunis Menganggap Kepercayaan “Theisme” Falun Gong Akan Mengancam Keabsahan Pemerintahannya

Kepercayaan theisme yang sebenar, bagi PKC, sememangnya merupakan cabaran yang hebat. Disebabkan keabsahan pemerintahan Parti Komunis adalah berasal daripada apa yang dikenali sebagai “materialisme dialektikal”, dan disebabkan hendak membina “syurga di duniawi”, maka PKC terpaksa bersandar pada “barisan pelopor” di dunia, iaitu kepimpinan Parti Komunis. Di samping itu, “atheisme” menyebabkan penilaian moral dan standard baik dengan jahat dapat ditafsirkan secara sembarangan oleh PKC, maka sama sekali tiada standard moral, dan baik dan jahat yang dapat dirujuk. Selagi rakyat umum ingat bahawa parti adalah senantiasa “agung, cemerlang dan betul” itupun telah memadai.

Akan tetapi, theisme telah memberikan rakyat awam satu standard penilaian baik dan jahat yang berubah. Bagi pengamal Falun Gong, sama ada sesuatu perkara itu betul ataupun tidak, adalah diukur berdasarkan “Sejati, Baik, Sabar”. Ini jelas merupakan lintangan kepada usaha “penyatuan fikiran” yang sentiasa dikerjakan oleh PKC.

Jika diteruskan untuk membuat rumusan, masih terdapat banyak sebab, namun mana-mana satu daripada lima sebab yang tersebut di atas itu sudahpun cukup untuk membawa maut buat PKC. Sebenarnya, boleh dikatakan Jiang Zemin menindas Falun Gong juga adalah berpunca daripada sebab yang sama.

Jiang Zemin mula bangkit dalam kerjayanya dengan memalsukan latar-belakangnya, maka sudah semestinya takut akan “Sejati”. Dia menjadi mewah dan berkuasa melalui cara menindas rakyat umum, maka sudah semestinya tidak suka pada “Baik”. Dia mempertahankan kuasanya melalui persaingan kuasa dalam partinya, maka sudah semestinya tidak suka mendengar “Sabar”.

Jiang Zemin seorang yang amat kecil hati dan amat kuat rasa cemburunya. Ini dapat dilihat daripada satu peristiwa kecil. Di Daerah Yuyao (sekarang sudah dinaikan taraf sebagai kota), wilayah Zhejiang, ada sebuah Muzium Tapak Peninggalan Budaya Hemudu [7] yang merupakan satu unit khas untuk perlindungan bagi peninggalan kebudayaan pada peringkat kebangsaan. Tulisan pada papan tanda muzium ketika itu adalah ditulis oleh Qiao Shi [8]. Pada September 1992, apabila Jiang Zemin melawat ke muzium itu, mukanya menjadi amat muram ketika melihat tulisan inskripsi Qiao Shi itu. Pengiring-pengiringnya merasa amat tegang kerana mereka tahu Jiang tidak suka Qiao Shi. Daripada segi yang lain, Jiang amat suka menonjolkan diri, ke mana dia pergi, tulisan inskripsinya mestilah ditunjuk-tunjuk. Malah ketika dia melawat ke ‘Cawangan Polis Trafik, Jabatan Keselamatan Kota Jinan’ dan ‘Kesatuan Jurutera Bersara Kota Zhengzhou’ juga hendak menulis inskripsi. Pegawai-pegawai muzium tidak berani menyinggung hati kecil Jiang Zemin, lalu pada bulan Mei, 1993, dengan alasan muzium itu dibuka semula setelah diubahsuaikan, papan tandanya dengan tulisan inskripsi Jiang Zemin.

Mao Zedong dikenali dengan “4 jilid penulisan hebat”nya. “Karya Pilihan Deng Xiaoping” juga mengandungi satu set “teori kucing” [9] yang berunsur ideologi praktikal. Jiang Zemin setelah penat memeras otaknya, hanya dapat memikirkan tiga ayat, namun masih hendak digelar “Tiga Wakil”. Setelah dicetak menjadi buku, dipromosikan oleh sistem organisasi PKC dari peringkat ke peringkat, dan dikenakan tempahan paksaan, baharu buku itu laku dijual. Anggota-anggota parti bukan sahaja tidak menghormati Jiang Zemin sedikit pun, malah menyebarkan luas berita-berita tentang hubungan sulitnya dengan penyanyi wanita, episod memalukan dalam menyanyi “O Sole Mio” ketika membuat lawatan di seberang laut, dan menyikat rambut di depan Raja Sepanyol. Sebaliknya, pengasas Falun Gong adalah berasal daripada kalangan rakyat biasa, ketika beliau berceramah, profesor-profesor, pakar-pakar, dan penuntut-penuntut yang belajar di seberang laut akan berhimpun, malah banyak doktor-doktor falsafah, sarjana-sarjana, akan terbang dari tempat-tempat sejauh beribu-ribu batu untuk mendengar ceramahnya. En. Li Hongzhi berucap secara petah dan panjang lebar selama beberapa jam tanpa merujuk skrip, dan rakaman ceramahnya boleh terus dicatat lalu dicetak menjadi buku. Kesemua ini telahpun menyebabkan Jiang Zemin, seorang yang suka bermegah diri, cemburu dan kecil hati, berasa tidak tertahan.

Kehidupan Jiang Zemin amat cendala dan merosot. Dia membelanjakan sembilan ratus juta yuan untuk membeli kapal terbang yang mewah untuk dirinya. Dia selalu mengeluarkan berpuluh-puluh bilion yuan daripada perbendaharaan negara bagi anaknya untuk berniaga. Dengan menggunakan nepotisme, dia mengambil saudara-mara dan orang kepercayaan untuk memegang jawatan tinggi yang berupa tahap menteri ke atas. Dengan sedaya-upayanya, dia melindungi kroninya yang terbabit dengan rasuah dan jenayah. Oleh itu, jelaslah Jiang amat takut kepada kekuatan moral Falun Gong, malah lebih lagi takut kalau-kalau syurga dan neraka, serta balasan baik dan jahat yang diceritakan oleh Falun Gong itu adalah benar.

Walaupun Jiang Zemin memegang kuasa yang tertinggi dalam PKC, namun disebabkan dia kekurangan pencapaian politik dan kemampuan, dia sentiasa merasa bimbang dirinya akan

disingkirkan daripada kedudukannya dalam persaingan kuasa PKC yang kejam, dan dia amat sensitif terhadap kuasa tertingginya. Demi menghapuskan orang-orang yang tidak bersetuju dengannya, Jiang Zemin menggunakan taktik dan muslihat yang kotor untuk menyingkirkan adik-beradik Yang Shangkun dan Yang Baiping, yang merupakan musuh politiknya. Dalam Persidangan Agung PKC yang ke-15 pada tahun 1997 dan yang ke-16 pada tahun 2002, Jiang Zemin telah menyingkirkan pembangkangnya daripada jawatan-jawatan mereka, sedangkan dirinya pula tidak mempedulikan peraturan yang berkenaan dan enggan mengundur diri daripada kuasanya.

Tahun 1989, Jiang Zemin, sebagai setiausaha agung PKC yang baharu, pernah mengadakan satu persidangan akhbar untuk wartawan dari dalam dan luar negeri. Seorang wartawan Perancis bertanya tentang seorang penuntut universiti yang terbabit dengan Peristiwa 4 Jun telah dibuang daerah ke sebuah ladang di Sichuan untuk bekerja sebagai pengangkut bata-bata, dan telah dirogol banyak kali oleh peladang-peladang tempatan. Jiang menjawab, “Saya tidak tahu sama ada apa yang anda katakan itu adalah benar ataupun tidak. Akan tetapi, dia itu seorang pengganas. Kalau apa yang dikatakan itu benar, itupun merupakan balasan yang wajar.” Dalam Revolusi Kebudayaan, Zhang Zhixin [10] telahpun dirogol bergilir-gilir dan dibelah kerongkongnya di dalam penjara PKC. Pada pandangan Jiang Zemin, ini mungkin juga merupakan “balasan yang wajar.” Daripada sini, jelas kelihatan sifat peribadi Jiang Zemin yang berwatakkan gengster, tidak siuman dan kejam.

Sebagai rumusan, psikologi Jiang Zemin yang gelap, niat kuasa diktator, peribadi yang kejam dan ganas, dan ketakutannya terhadap “Sejati, Baik, Sabar”, menjadi sebab dia memulakan penindasan terhadap Falun Gong. Ini adalah amat selari dengan organisasi PKC.

III. Jiang Zemin & PKC Saling Memperalat Antara Satu Sama Lain

Walaupun Jiang Zemin berniat penuh hendak menghapuskan Falun Gong untuk melepaskan geramnya, akan tetapi, sebagai seorang yang sudah dikenali tidak berkemampuan dan tidak berpengetahuan, yang cuma asyik menonjolkan diri dan mempermainkan kuasa politik, dalam berhadapan dengan masyarakat umum yang berlatih Falun Gong yang berakarkan kepada kebudayaan tradisional China dan mempunyai dasar sokongan sosial yang meluas, dengan diri sendirinya sahaja, Jiang tidak akan dapat berbuat apa-apa. Namun kebetulan ketika ini jentera PKC yang sentiasa melakukan kezaliman, kian matang selepas melalui banyak gerakan politik dan sudahpun bersiap sedia, juga berniat hendak menghapuskan Falun Gong. Jadi, Jiang Zemin sebagai setiausaha agung PKC pun mengambil kesempatan ini, secara ringan-ringan menekankan butang mesin untuk melaksanakan penindasan. Dalam proses penindasan, kedua-dua pihak itu saling menyahut, dan kesannya tepat seperti pekikan pendaki gunung yang mengakibatkan kesan keruntuhan salji.

Sebelum Jiang memberikan arahan untuk melaksanakan penindasan, PKC sudahpun mula menyerang, memerhati, menyiasat dan mereka-rekakan kesalahan terhadap Falun Gong. Ini adalah kerana PKC, roh jahat organisasi agama sesat ini, sudahpun merasai bahawa “Sejati, Baik, Sabar” mengancam kewujudannya, lebih-lebih lagi PKC tidak boleh bersabar lagi dengan bilangan pengamal Falun Gong yang begitu ramai dan masih berkembang pesat. Sejak tahun 1994, anggota-anggota Jabatan Keselamatan PKC sudahpun mulai menghantar pengintip-pengintip ke Falun Gong, tetapi mereka tidak dapat mengesan apa-apa kesalahan, malahan ramai daripada pengintip-pengintip itu telah mulai melatih Falun Gong. Pada tahun 1996, “Berita Harian Guangming” telah mengingkari polisi “Tiga Larangan” terhadap Qi Gong, yakni “tidak menyokong, tidak masuk campur dan tidak mengkritik”, lalu menyiarkan artikel mengkritik Falun Gong dalam lingkungan ideologi. Selepas itu, gangguan terhadap Falun Gong daripada Jabatan Keselamatan dan ahli politik yang dengan gelaran “saintis” tidak pernah terputus. Pada awal tahun 1997, Luo Gan, setiausaha Jawatankuasa Politik dan Perundangan daripada Jawatankuasa Pusat PKC, telah menggunakan kuasanya untuk mengarahkan Jabatan Keselamatan melaksanakan satu siasatan terhadap Falun Gong yang merangkumi seluruh negara. Tujuannya adalah untuk mencari kesalahan untuk mengharamkan Falun Gong. Setelah

mendapat kesimpulan “belum dikesan sebarang kesalahan” daripada semua tempat, pada bulan Julai 1998, Luo Gan sekali lagi mengisukan surat pekeliling [1998] no. 555, “Pengumuman Tentang Pelaksanaan Siasatan Terhadap Falun Gong”, melalui Biro Pertama Jabatan Keselamatan China (juga dikenali sebagai Biro Keselamatan Politik), terlebih dahulu menuduh Falun Gong sebagai “agama sesat”, kemudian baharu mengarahkan Jabatan Keselamatan daripada seluruh negara untuk melaksanakan “siasatan secara mengintip” untuk mengumpul bukti-bukti kesalahan. Hasil siasatan ini tidak menjumpai apa-apa kesalahan.

Ketika PKC, sebagai satu badan roh jahat, yang sudah bersiap sedia hendak bertindak, masih memerlukan seorang yang genting sekali untuk menggerakkan jentera penindasan. Pada ketika ini, cara pengurusan pemimpin PKC akan memainkan peranan yang amat mustahak. Sebagai seorang individu, ketua PKC boleh memiliki dua aspek sifat manusiawi, baik ataupun jahat. Jika dia memilih “baik”, maka ini akan dapat menyekat sementara sifat parti PKC yang jahat daripada meletus. Jika memilih “jahat”, maka sifat jahat PKC akan terdedah dengan sepenuhnya.

Pada ketika berlakunya Peristiwa 4 Jun, Zhao Ziyang, setiausaha agung PKC pada masa itu, tidak berniat untuk menindas penuntut, namun 8 orang anggota lama yang menguasai PKC bertegas hendak menindas. Ketika itu Deng Xiaoping berkata, “(Kita harus) membunuh 200 ribu orang untuk bertukar dengan 20 tahun kestabilan.” Yang dimaksudkan “bertukar dengan 20 tahun kestabilan” adalah bertukar dengan 20 tahun kuasa politik PKC. Ini seiringan dengan tujuan dasar PKC yang memerintah secara diktator. Oleh itu, langkah ini telah diterima oleh PKC.

Dalam isu Falun Gong, daripada 7 orang ahli Jawatankuasa Tetap Politburo daripada Jawatankuasa Pusat PKC, hanya Jiang Zemin seorang yang bertegas untuk menindas. Alasan yang diberikannya ialah Falun Gong akan “membinasakan parti dan negara”. Alasan ini tepat menyentuh saraf PKC yang paling sensitif. Di sini, Jiang Zemin yang mempertahankan kuasa peribadi dan PKC yang mempertahankan pemerintahan diktator telah bersatu pada darjat yang tinggi.

Pada malam 19 Julai, 1999, Jiang Zemin telah mempengerusikan persidangan pemimpin-pemimpin tinggi PKC. Menggunakan kuasanya untuk mengatasi undang-undang, dengan sendirinya “menyatukan” pemahaman ahli-ahli yang hadir, dan dengan sendirinya membuat keputusan untuk mengarahkan penindasan secara menyeluruh. Dengan nama kerajaan Negara China, mengharamkan Falun Gong, dan menipu orang ramai. Dengan itu, PKC, dengan kuasa politik negara yang dimanipulasinya, dan jentera keganasan yang dikuasainya, menggunakan tenaga sepenuhnya melakukan penindasan terhadap kalangan Falun Gong secara menyeluruh.

Daripada sini, kita boleh membayangkan, sekiranya setiausaha agung PKC ketika itu ialah orang lain dan bukannya Jiang Zemin, maka penindasan ini mungkin tidak akan berlaku. Daripada aspek ini, PKC telah memperalatkan Jiang Zemin.

Sebaliknya, jika PKC bukannya sedang mengalami perasaan krisis kerana banyak terhutang darah, dan kalau bukannya kerana sifat tabii penjahat, suka menentang takdir langit, dan tidak berperikemanusiaan, PKC juga tidak akan menganggap Falun Gong sebagai satu ancaman baginya. Tanpa kawalan sepenuhnya PKC terhadap masyarakat, keinginan Jiang Zemin untuk menindas Falun Gong juga tidak mungkin mendapat perlindungan daripada organisasi, perbendaharaan, propaganda, kedutaan, kakitangan, kelengkapan, serta sokongan daripada penjara, polis, pasukan keselamatan negara, tentera, dan apa yang kononnya agama, teknologi, parti demokratik, persatuan pekerja, jawatankuasa pertubuhan, kesatuan wanita dan sebagainya. Daripada aspek ini, Jiang Zemin telah memperalatkan PKC.

IV. Bagaimana Jiang Zemin Memperalatkan PKC Untuk Menindas Falun Gong

Jiang Zemin memperalatkan prinsip organisasi PKC “seluruh parti takluk kepada pusat”, dan juga memperalatkan jentera negara yang dikuasai oleh PKC, yang merangkumi pasukan tentera, media massa, jabatan keselamatan, polis, polis bersenjata, polis keselamatan negara, sistem perundangan, Kongres Rakyat, kedutaan, badan-badan agama palsu dan sebagainya untuk berkhidmat dalam penindasan Falun Gong. Pasukan tentera, polis bersenjata dan polis keselamatan PKC mengambil bahagian secara langsung dalam menculik dan menawan pengamal-pengamal Falun Gong, media massa menyebarkan berita-berita palsu, memburukkan nama Falun Gong bagi kumpulan Jiang. Sistem keselamatan negara berkhidmat untuk Jiang Zemin secara peribadi, membekal, mengumpul maklumat, membuat berita-berita palsu, dan membekalkan maklumat-maklumat sulit palsu. Kongres Rakyat dan sistem perundangan melindungi jenayah-jenayah Jiang Zemin dan PKC dengan menampilkan kulit luar yang “sah” dan “pemerintahan secara undang-undang” untuk menipu rakyat daripada seluruh lapisan, terperosok menjadi alat dan payung tudung perlindungan bagi Jiang Zemin. Badan Polis Keselamatan, Sistem Pengadilan, dan mahkamah perundangan malahan melanggar undang-undang sendiri, menjadi kaki pukul buat Jiang Zemin. Sistem kedutaan pula menyebarkan berita-berita palsu di antarabangsa, dengan taktik-taktik rasuah dan godaan untuk mendapatkan sokongan sesetengah kerajaan dan ahli-ahli politik utama, dan media-media massa, supaya mereka itu berdiam diri terhadap penindasan Falun Gong.

Dalam persidangan kerja pusat, pada tahun 1999, di mana Jiang Zemin melaksanakan perancangan penindasan Falun Gong, dia berkata, “Saya tidak percaya PKC tidak mampu mengalahkan Falun Gong”, telah menghasut dan memperkuat keazaman dan kebongkakan PKC untuk menindas. Dalam seluruh rancangan penindasan, 3 polisi dilaksanakan ke atas pengamal Falun Gong yang berkepercayaan “Sejati, Baik, Sabar”, iaitu, “memburukkan reputasi, membankrupkan ekonomi, menghapuskan tubuh”. Daripada sini, berkembang suatu pergerakan penindasan yang menyeluruh.

(i) Mengeksploitasikan Media Massa Untuk Menyekat Pengaliran Berita

Perlaksanaan “memburukkan reputasi” adalah dijalankan oleh media massa yang dikawal penuh oleh PKC. Pada 22 Julai 1999, iaitu 3 hari selepas mula membuat tangkapan terhadap pengamal-pengamal Falun Gong, media massa yang dikawal oleh PKC mulai membuat propaganda anti-Falun Gong secara meluas dan berskala penuh. Mengambil Televisyen Pusat (CCTV) di Beijing sebagai contoh, dalam tempoh tahun 1999, CCTV telah menggunakan 7 jam sehari untuk menyiarkan pelbagai program yang telah disediakan terlebih dahulu, bermula dengan sebilangan besar ceramah En. Li Hongzhi, pengasas Falun Gong, yang telah diputarbalikkan dan dipalsukan, diikuti pengaitan dengan kes-kes yang disebut membunuh diri, membunuh orang, mati kerana enggan diubati dan sebagainya, dengan sehebat-hebatnya membuat propaganda fitnahan untuk merosakkan nama baik Falun Gong dan pengasasnya.

Satu contoh yang paling dikenali adalah, menyuntingkan perkataan “tidak” dalam satu ceramah terbuka En. Li Hongzhi yang berbunyi “yang dikatakan bumi akan meletup itu tidak wujud”, justeru sudah menjadi “Bumi akan meletup itu wujud”, dengan ini menuduh Falun Gong menyebarkan ajaran “hari kiamat”. Yang lebih teruk lagi, mereka menggunakan pelbagai muslihat, memindahkan kes-kes jenayah ke atas pengamal-pengamal Falun Gong untuk menipu orang ramai. Contohnya, kes-kes orang gila dan pembunuhan seperti kes Fu Yibin, orang gila dari ibu negara yang membunuh orang dan kes meracunkan pengemis-pengemis di Wilayah Zhejiang, semuanya dipindah ke atas Falun Gong untuk dipersalahkan. Kemudiannya mengeksploitasikan media untuk menghasut orang ramai yang tidak tahu akan kebenaran untuk membenci Falun Gong, demi penindasan berdarah yang terkutuk mencari alasan dan sokongan.

2000 jenis surat khabar, lebih 1000 jenis majalah, beberapa ratus rangkaian televisyen dan radio tempatan, yang dikawal mutlak oleh PKC, semuanya digerakkan untuk membuat propaganda fitnahan terhadap Falun Gong. Dan kemudiannya propaganda ini disebarkan pula ke semua negara di

seberang laut melalui agensi-agensi rasmi seperti Agensi Berita Xinhua, Agensi Berita Zhongxin, Agensi Berita Zhongtong, dan media-media massa PKC di seberang laut. Mengikut statistik tidak lengkap, dalam tempoh kurang daripada setengah tahun, artikel-artikel kritikan dan laporan yang berbentuk fitnahan terhadap Falun Gong yang telah disiarkan oleh media massa PKC di dalam dan di luar negara adalah sebanyak lebih daripada 300,000 kali, meracuni orang ramai yang tidak tahu akan kebenaran yang tidak terkira.

Di pejabat-pejabat kedutaan China di luar negeri, juga dipamerkan banyak elbum, VCD dan risalah-risalah yang kononnya untuk membongkar dan mengkritik terhadap Falun Gong, juga menerokai satu ruang khusus untuk mengkritik dan “membongkar” Falun Gong di laman web kementerian luar negeri.

Lebih daripada itu, pada hujung tahun 1999, ketika dalam Persidangan Kemuncak APEC yang diadakan di New Zealand, Jiang Zemin bahkan dengan sendirinya telah mengedarkan risalah-risalah yang menfitnah Falun Gong kepada 10 lebih orang ketua negara yang menyertai persidangan itu, taktik keji dan dangkal ini menjadi bahan ketawa di masyarakat antarabangsa. Di Perancis, Jiang Zemin sekali lagi mencabuli undang-undang, terus melalui media asing mengumumkan Falun Gong sebagai “agama sesat”, demi mencapai tujuan “memburukkan reputasi”.

Dengan tiba-tiba awan gelap telah menyelimuti seluruh negara, suasana menjadi tegang seakan Revolusi Kebudayaan telah kembali.

Yang paling keji adalah pada Januari 2001, satu babak lucu telah diarahkan, dan melalui Agensi Berita Xinhua, babak ini tersebar ke seluruh dunia dengan kepantasan yang tidak pernah ada sebelumnya, untuk menganiaya Falun Gong. Babak lucu ini kemudiannya telah dibukti oleh beberapa perbadanan antarabangsa seperti Agensi Perkembangan Pendidikan Bangsa-bangsa Bersatu (IED) sebagai satu rekaan palsu kerajaan untuk menipu rakyat. Ketika dipersoalkan, seorang pekerja yang terbabit dalam penerbitan program televisyen itu mengaku bahawa sebahagian daripada babak-babak yang disiarkan oleh CCTV adalah ditangkap selepas peristiwa tersebut, jelas menunjukkan sifat gengster yang terdedah habis. Orang ramai justeru merasa ragu-ragu dan bertanyakan, mengapakah “pengamal-pengamal Falun Gong yang tidak takut mati itu” boleh begitu bekerjasama dengan pihak PKC?

Dusta adalah takut pada cahaya Sang Suria. Sementara mereka-reka berita fitnahan, PKC juga menyekat dan menghapuskan segala berita tentang Falun Gong dari luar negeri dan pelbagai penjelasan tentang kebenaran Falun Gong yang dibuat oleh pengamal-pengamalnya. Semua buku-buku dan maklumat-maklumat lain tentang Falun Gong telahpun dibasmikan. Semua media massa asing yang cuba membuat temuramah dengan pengamal-pengamal Falun Gong telah dikenakan sekatan ketat. Wartawan-wartawan dihalau daripada Negara China, dan media-media massa di seberang laut dipaksa membisu diri demi menjamin kepentingan pasaran.

PKC juga mengenakan penindasan ekstrim terhadap pengamal-pengamal Falun Gong yang cuba menghantar maklumat tentang situasi Falun Gong yang sebenar dan tentang penindasan pihak berkuasa PKC. Li Yanhua, seorang wanita dalam lingkungan umur 60 tahun, daripada kota Dashiqiao, daerah Liaoning, telah diculik oleh polis ketika menyebarkan bahan yang mengandungi maklumat tentang penindasan terhadap Falun Gong pada 1 Februari 2001, dan dipukul sehingga mati oleh polis. Bagi menutup kelakuan jenayah mereka, pihak polis menfitnah dia adalah “mati disebabkan kegilaan terhadap Falun Gong”. Di Universiti Qinghua sahaja, seramai belasan orang guru dan penuntut dijatuhkan hukuman berat oleh PKC kerana menyebarkan maklumat kebenaran tentang Falun Gong. Setelah kes rogol Wei Xingyan, pengamal Falun Gong, juga seorang penyelidik di Universiti Chongqing didedahkan, ada 7 orang pengamal Falun Gong di Chongqing telah dijatuhkan hukuman berat.

(ii) Mengenakan Denda, Menggeledah Rumah dan Merampas Hak Hidup

“Membankrupkan ekonomi” adalah dilaksanakan oleh seluruh jentera negara PKC. Dalam penindasan selama 5 tahun, beratus-ratus ribu pengamal Falun Gong China dikenakan denda wang yang bercorak ancaman. Yang kurang berjumlah beberapa ribu yuan, yang lebih berjumlah sehingga beberapa puluh ribu yuan. Dendaan ini dibuat tanpa sebarang dasar perundangan, dan ditetapkan sembarangan oleh kerajaan tempatan, perbadanan unit, balai polis, dan balai keselamatan. Mereka yang didenda juga tidak akan mendapat sebarang dokumen perundangan sebagai resit.

Menggeledah rumah adalah satu lagi corak perampasan ekonomi. Pengamal-pengamal yang tegas hendak melatih Falun Gong akan dikenakan geledah rumah oleh polis pada bila-bila masanya. Pengeledah akan mengambil pergi wang tunai dan harta-benda. Di perkampungan desa, malah makanan-makanan simpanan juga tidak luput daripada dirampas. Harta-benda yang diambil pergi juga tidak diberikan resit. Kebanyakannya adalah diambil oleh petugas-petugas pengeledahan yang berkenaan.

Pada masa yang sama, pengamal-pengamal Falun Gong juga akan menghadapi hukuman dipecat daripada pekerjaan mereka. Peladang-peladang pula akan menghadapi ancaman tanah ditarik balik. PKC bahkan tidak melepaskan orang-orang tua yang sudah bersara. Banyak orang tua yang sudah bersara dihentikan wang saraan mereka dan rumah kediaman mereka ditarik balik. Sesetengah pengamal yang berniaga telah dirampas harta dan dibekukan akaun bank mereka.

Ketika melaksanakan polisi-polisi ini, PKC juga mengenakan polisi pembabitan secara jalin-hubung. Mana-mana satu perusahaan unit yang didapati terdapat pengamal Falun Gong, maka pemimpin dan kakitangan-kakitangannya akan dihentikan pemberian bonus dan dihentikan kenaikan pangkat. Dengan cara ini, PKC telah membangkitkan permusuhan masyarakat terhadap pengamal Falun Gong. Pada masa yang sama, anggota-anggota keluarga pengamal Falun Gong juga akan menghadapi pengangguran, budak-budak akan keciciran sekolah, rumah-rumah kediaman akan ditarik balik dan pelbagai ancaman yang lain. Kesemua ini adalah bertujuan untuk memutuskan sumber ekonomi pengamal-pengamal Falun Gong demi memaksa mereka meninggalkan kepercayaan mereka.

(iii) Penyeksaan dan Pembunuhan Sewenang-wenangnya

“Penghapusan tubuh” yang paling kejam dan berdarah, pada dasarnya dilaksanakan oleh sistem yang merupakan gabungan badan kepolisan, pendakwaraya [11] dan mahkamah. Mengikut statistik laman web Clearwisdom yang kurang lengkap, dalam 5 tahun sejak 20 Julai 1999, kes-kes kematian pengamal Falun Gong yang telah diseksa sehingga mati yang disebarkan melalui rakyat jelata, yang telah terbukti adalah sekurang-kurangnya 1,143 kes. Kes-kes seksaan sehingga mati ini merangkumi lebih daripada 30 wilayah, kawasan pentadbiran autonomi, dan wilayah persekutuan. Setakat 1 Oktober 2004, tempat-tempat yang mencatatkan kes paling banyak, mengikut urutan ialah: Heilongjiang, Jilin, Liaoning, Hebei, Shandong, Sichuan, dan Hubei. Antara mereka yang mati, yang paling kecil hanya berumur 10 bulan, yang paling tua berumur 72 tahun. Antaranya 51.3% ialah wanita, 38.8% ialah orang tua yang berumur 50 tahun ke atas. Seorang pegawai PKC memberitahu secara sulit bahawa bilangan pengamal Falun Gong yang diseksa sehingga mati sebenarnya jauh lebih tinggi daripada angka ini.

Corak-corak penyeksaan yang dikenakan pada pengamal-pengamal Falun Gong malah tidak dapat dibilang, termasuk: dipukul, disebat, direnjat kuasa elektrik, disejukkan, diikat dan digari untuk tempoh yang lama, dibakar api, diselar besi panas, digantung, berdiri lama-lama, melutut, ditusuk dengan penusuk buluh dan dawai besi, penyeksaan seks, dirogol dan lain-lain lagi. Pada bulan Oktober 2000, penjaga Kem Buruh Paksa Masanjia di Wilayah Liaoning telah menanggalkan pakaian 18 orang pengamal Falun Gong wanita dan menghumbankan mereka ke dalam penjara lelaki, dan membiarkan

pesalah-pesalah lelaki merogol dan mencabuli mereka. Kesemua ini telah dicatatkan penuh dan terlalu banyak untuk disebutkan satu persatu.

Salah satu daripada penyiksaan bagi penindasan pengamal Falun Gong ialah “penyembuhan penyakit jiwa” secara sembarangan. Pengamal-pengamal Falun Gong yang waras, rasional, dan sihat dimasukkan ke hospital mental secara tidak sah, dan disuntik dengan ubat perosak sistem saraf yang tidak dikenali namanya, menyebabkan setengah-setengah mereka lempuh keseluruhan atau lumpuh separa. Ada yang menjadi buta pada kedua-dua mata, atau menjadi pekak pada kedua-dua telinga; ada yang mengalami kelumpuhan pada otot-otot dan organ-organ; sebahagian mereka kehilangan daya ingatan secara keseluruhan ataupun separa dan menjadi tidak siaman; ada yang fungsi organ dalamannya telah dirosakkan teruk; ada yang ditindas sehingga menjadi gila; ada yang mati dengan cepat kerana diberi dos ubat yang terlalu kuat.

Hasil siasatan menunjukkan kes-kes yang menggunakan cara “penyembuhan penyakit jiwa” untuk menindaskan pengamal-pengamal Falun Gong meliputi 23 kawasan pentadbiran peringkat wilayah dan kota. Sekurang-kurangnya terdapat lebih daripada 100 buah hospital jiwa di peringkat kawasan, daerah, kota dan wilayah yang terbabit dengan penindasan sebegini. Daripada bilangan kes dan kawasan yang dirangkumi, penyalahgunaan ubat sakit jiwa secara sembarangan dalam penindasan terhadap pengamal-pengamal Falun Gong, adalah merupakan satu polisi yang terancang dari peringkat atas ke peringkat bawah. Sekurang-kurangnya sebanyak lebih daripada 1,000 orang pengamal Falun Gong yang normal telah dikurung secara paksa ke dalam hospital jiwa atau pusat pencegah dadah. Banyak orang telah disuntik atau disuapkan secara paksa dengan pelbagai jenis ubat yang merosakkan saraf jiwa, dan mengalami penyiksaan dengan diikat untuk tempoh yang lama serta direnjat kuasa eletrik. Sekurang-kurangnya 15 orang telah disiksa sehingga mati dengan cara demikian.

(iv) Pejabat 610 Yang Melampaui Sistem Perundangan

Pada Persidangan Politburo PKC yang diadakan pada 7 Jun 1999, Jiang Zemin membuat tuduhan yang tanpa berasas dan menfitnah Falun Gong, mengklasifikasikan Falun Gong sebagai suatu “pertarungan politik”, melabelkan Falun Gong sebagai musuh politik PKC, justeru merangsang saraf pertarungan PKC, dan telah mengarahkan untuk membentuk “Pejabat Menguruskan Isu Falun Gong” dalam Jawatankuasa Pusat. Disebabkan pejabat tersebut telah dibentuk pada 10 Jun, maka digelar sebagai “Pejabat 610”.

Selepas itu, “Pejabat 610” ini telah menjangkau ke pelbagai peringkat kerajaan dari atas ke bawah di seluruh negara, bertugas secara konkrit untuk melaksanakan segala urusan tentang penindasan Falun Gong. Kesemua jawatankuasa perundangan dan politik, media massa, dan badan keselamatan umum, pendakwaraya dan mahkamah, serta jabatan keselamatan negara di bawah kepimpinan Jawatankuasa Pusat PKC berperanan sebagai tukang pukulnya. “Pejabat 610” pada namanya adalah di bawah Majlis Urusan Negara, akan tetapi pada hakikatnya adalah merupakan satu pertubuhan di luar sistem negara dan kerajaan, tidak terkongkong kepada sebarang rang undang dan polisi negara, dan adalah satu organisasi yang mempunyai kuasa berlebihan untuk menggunakan perbendaharaan negara. “Pejabat 610” menyerupai Gestapo Nazi Jerman, mempunyai kuasa yang melampaui sistem perundangan dan pengadilan, bertindak mungkar tanpa had. Setelah Jiang Zemin memerintah untuk menindas Falun Gong, pada 22 Julai 1999, Agensi Berita Xinhua telah menyiarkan ucapan-ucapan petugas Pertubuhan Pusat PKC dan petugas Bahagian Propaganda Pusat, dan lain-lain, yang secara terbuka menyokong Jiang Zemin untuk menindas Falun Gong. Kesemua ini adalah di bawah organisasi PKC rapi, bekerjasama berpadankan dengan rancangan jahat Jiang Zemin.

Ada banyak contoh kes yang membuktikan bahawa Jabatan Keselamatan, pendakwaraya dan mahkamah juga tidak berkuasa untuk menguruskan segala kes yang berkaitan dengan Falun Gong, dan seharusnya mengikut perintah “Pejabat 610” ini. Banyak anggota-anggota keluarga pengamal

Falun Gong yang ditangkap, dikurung dan disiksa sehingga mati, ketika bertanya dan mengadu kepada jabatan keselamatan, pendakwaraya atau mahkamah, telah diberitahu bahawa segala keputusan yang dibuat perlu merujuk kepada “Pejabat 610”.

Walau bagaimanapun, kewujudan “Pejabat 610” ini tiada sebarang dasar perundangan. Ketika “Pejabat 610” ini memerintah organisasi-organisasi di bawah mekanisme PKC, sering kali tidak memberikan notis bertulis, tetapi cuma disampaikan secara lisan, malah melarangkan penerima perintah itu untuk membuat rakaman suara dan video malahan sebarang catatan bertulis.

Organisasi sementara yang bersifat diktator sebegini, adalah taktik dan muslihat yang sering digunakan oleh PKC selama ini. Dalam setiap pergerakan penindasan politik yang lampau, PKC juga menggunakan taktik yang luar biasa dan organisasi sementara yang luar biasa, seperti Jawatankuasa Kecil Pusat Revolusi Kebudayaan untuk memimpin dan mempergerakkan polisi pemerintahan zalim PKC ke seluruh negara.

Dalam proses pemerintahan zalim dan tekanan tinggi selama ini, PKC telah menggunakan keganasan, kebohongan dan penyekatan maklumat untuk menempuhkan fahaman keganasan negara yang paling kuat dan paling jahat di dunia ini. Kini kekejaman dan pembohongannya sudah digunakan sampai ke satu tahap yang paling professional, skala dan peringkatnya sudahpun sampai ke satu tahap yang tidak pernah wujud sebelum ini. Dalam setiap pergerakan politik, PKC telah mengumpulkan cara dan pengalaman yang bersistematik untuk menganiaya orang, menyiksa orang dan membunuh orang, dan sudah menjadi begitu kejam, licik dan khianat sekali. Dalam satu kes yang disebutkan sebelum ini, si suami tidak dapat menahan ancaman dan gangguan daripada polis lalu mencekik mati isterinya yang baik hati. Ini tepat-tepat adalah merupakan buah jahat oleh pembohongan media, tekanan politik, polisi pembabit, ancaman kekerasan dan taktik keganasan yang lain PKC untuk memutarbelitkan sifat manusiawi dan menghasut dendam kesumat.

(v) Memperalatkan Militari dan Perbendaharaan Negara untuk Melaksanakan Penindasan

Kawalan PKC terhadap pasukan tentera negara telah menyebabkannya mampu bertindak dengan sesuka hati dan bermaharajela ketika menindas rakyat. Jiang Zemin bukan sahaja telah menggerakkan polis, polis bersenjata, malah antara bulan Julai hingga Ogos 1999, ketika ada seramai beberapa ratus ribu malah beberapa juta rakyat jelata yang tidak bersenjata pergi ke Beijing demi membuat rayuan dan penjelasan terhadap Falun Gong, Jiang Zemin terus menggerakkan tentera, mengaturkan askar-askar yang bersenjata di sepanjang jalan-jalan utama ke Beijing, bekerjasama dengan polis untuk menyekat dan menahan pengamal-pengamal Falun Gong yang hendak membuat rayuan ke Beijing. Jiang Zemin terus menggerakkan kekuatan militari PKC untuk meratakan jalannya untuk penindasan berdarah ini.

Kawalan PKC terhadap perbendaharaan negara juga telah menjadi sokongan belakang ekonomi kepada Jiang Zemin untuk menindas Falun Gong. Pegawai tinggi Pejabat Perundangan Wilayah Liaoning pernah mengaku dalam satu persidangan di Kem Buruh Paksa Masanjia, Wilayah Liaoning, katanya, “Perbelanjaan bagi penindasan Falun Gong sudah jauh melebihi perbelanjaan untuk satu perang”.

Walaupun setakat ini belum dapat diketahui dengan tepat berapa jumlah sumber ekonomi negara dan jumlah pendapatan rakyat daripada titik peluh mereka yang telah digunakan untuk menindas Falun Gong, namun tidak susah untuk melihat ini adalah satu angka astrologi. Mengikut satu berita dalaman daripada Jabatan Keselamatan PKC menunjukkan bahawa hanya di Tiananmen sahaja, perbelanjaan satu hari untuk menahan pengamal Falun Gong adalah sebanyak 1.7 juta hingga 2.5 juta yuan, dan perbelanjaan setahun adalah sebanyak 620 juta hingga 910 juta yuan. Dalam lingkungan seluruh negara, daripada kota ke desa, daripada polis-polis di balai polis ke Jabatan keselamatan, sehingga

anggota-anggota “Pejabat 610” dalam pelbagai peringkat, Jiang Zemin demi menindas Falun Gong, dijangkakan telah mengupah sekurang-kurangnya beberapa juta orang. Perbelanjaan dan upah ini dijangka setinggi beratus-ratus bilion yuan setiap tahun. Bukan setakat itu sahaja, Jiang Zemin juga telah membelanjakan sejumlah besar wang untuk memperluaskan kem-kem buruh paksa, pusat-pusat mencuci otak dan tapak-tapak yang lain. Sebagai contohnya, pada bulan Disember 2001, Jiang Zemin sekaligus membelanjakan 4.2 bilion yuan untuk membina pusat mencuci otak untuk mengubah fikiran pengamal-pengamal Falun Gong. Jiang Zemin malah menggunakan rangsangan wang untuk menggalakkan lebih ramai orang melibatkan diri untuk menindas Falun Gong. Di banyak kawasan, ganjaran bagi menangkap seorang pengamal Falun Gong adalah beberapa ribu bahkan beberapa puluh ribu yuan. Sedangkan di Kem Buruh Paksa Masanjia, Wilayah Liaoning, di mana penindasan terhadap pengamal Falun Gong adalah yang paling teruk, PKC telah memberi ganjaran sekaligus sebanyak 50 ribu yuan kepada ketua kem Su, dan sebanyak 30 ribu yuan kepada timbalan ketua kem Shao.

Jiang Zemin, setiausaha agung PKC ialah pemula, perancang, dan pengarah penindasan terhadap Falun Gong. Dengan memperalatkan mekanisme pergerakan PKC, dia telah menggerakkan penindasan terhadap Falun Gong. Dia tidak melepaskan diri daripada bertanggungjawab kepada dosa sejarah ini. Namun, kalau tiada PKC dan mekanisme kejamnya yang telah ditempuh sebegitu lama, Jiang Zemin juga sama sekali tidak mampu melaksanakan penindasan jahat ini.

Jiang Zemin dan PKC saling memperalat antara satu sama lain, tanpa mempedulikan kutukan umum, demi kepentingan diri dan parti, menentang “Sejati, Baik, Sabar”. Inilah sebab sebenar berlakunya dosa yang tragik dan tidak masuk akal ini.

V. Jiang Zemin Telah Menewaskan PKC Dari Dalam

Mengapakah PKC hendak memindahkan fahaman komunisme ke China dan memutuskan kebudayaan tradisi China daripada akar umbinya? Ketika Pergerakan Komunis Antarabangsa telah mengalami kegagalan yang hebat dan membuktikan bahawa fahaman komunis tidak praktikal, PKC pula tidak berkemampuan dan tiada semangat atau hasrat untuk mengembalikan China kepada tradisi asalnya supaya China boleh dipindah balik kepada suatu masyarakat bukan berfahaman komunisme yang bersifat alim. Disebabkan sistem PKC yang berprinsipkan pemerintahan parti tunggal, PKC juga tidak akan membenarkan pertubuhan politik yang lain untuk bercampur tangan dalam politik negara ataupun berkongsi kuasa pemerintahan China, maka seakan-akan China terpaksa menunggu sehingga barah fahaman komunisme tenat dan rebah, baharulah runtuh bersama PKC.

Sebaliknya, Falun Gong, sejenis kultivasi di kalangan rakyat yang bukan berunsurkan politik yang muncul dengan tiba-tiba pada tahun 1990-an, telah mengubah hati manusia daripada dasarnya, dan menyatukan budaya tradisi dengan orang ramai, dan secara senyap telah dapat mencari balik akar orang China. Penyebaran Falun Gong boleh dikatakan sudahpun membawakan kemungkinan untuk menyelesaikan masalah masyarakat Negara China dengan aman dan sempurna. Ketika itu, ramai cerdik-pandai dalam PKC juga sudah dapat merasakan bahawa penyebaran Falun Gong akan memanfaatkan ketenteraman masyarakat daripada dasarnya.

Akan tetapi, Jiang Zemin, demi kepentingan diri sendiri, memperalatkan sifat jahat PKC yang sedia ada, melaksanakan penindasan yang tragik dan berdarah terhadap orang yang berkultivasi “Sejati, Baik, Sabar” di China, dan memulakan serangan terhadap kekuatan sosial yang paling bermanfaat dan tidak merbahaya bagi negara dan masyarakat. Penindasan ini bukan sahaja telah mengheretkan negara dan rakyat ke lembah dosa dan bencana, tetapi akhirnya juga akan menewaskan PKC sendiri daripada dasarnya.

Jiang Zemin memeralatkan PKC, menggunakan segala-gala taktik yang kotor dan jahat untuk menindas Falun Gong, dan telah merosakkan undang-undang, moral, dan sifat-sifat kemanusiaan. Ini sama sekali telah memusnahkan dasar pentadbiran politik negara.

Kumpulan Jiang Zemin menggerakkan segala-gala yang ada, sumber perbendaharaan, material, dan tenaga manusia untuk menyerang Falun Gong, menambahkan bebanan negara dan masyarakat. PKC sebenarnya tidak mampu melaksanakan secara lama penindasan yang ditakdirkan gagal ini, maka menyalahgunakan simpanan umum, mengisukan bon nasional dan menggoda pelaburan asing untuk terus bertahan.

PKC dan Jiang Zemin telah menggunakan banyak muslihat dan taktik penjahat gengster, pengganas dan pembohong untuk menindas Falun Gong, seluruh pengalaman keji PKC yang lampau telahpun dipergunakan sehabis-habisnya dalam proses penindasan.

PKC dan Jiang Zemin menggerakkan segala alat propaganda untuk memutarbelitkan dan menfitnah Falun Gong, mencari alasan dalam penindasan dan penyeksaan. Kelak apabila dusta ini akhirnya dibocorkan, dan apabila segala kejahatan ini didedahkan dan diketahui ramai, alat-alat yang diperalatkan untuk propaganda tidak dapat menipu orang ramai lagi, pada masa itulah PKC akan kehilangan kewibawaannya, justeru kehilangan hati rakyat.

Ketika Jiang Zemin mula-mula menindas Falun Gong pada 1999, dia pernah merancang hendak menyelesaikan isu Falun Gong dalam 3 bulan. Akan tetapi, PKC telah silap taksir terhadap kekuatan Falun Gong, dan telah silap taksir terhadap kekuatan tradisi dan kepercayaan.

Sejak daripada masa kuno lagi kejahatan tidak pernah boleh melenyapkan kebaikan, kejahatan adalah tidak boleh “membasmi” kebaikan dalam hati manusia. Lebih 5 tahun sudahpun melampau, Falun Gong tetap kekal Falun Gong, malah telah tersebar dengan lebih meluas di dunia. Jiang Zemin dan PKC sudah gagal dalam persaingan kuasa antara baik dengan jahat ini, dan telah didedahkan dengan sehabis-habisnya sifatnya yang berwatakkan gengster, kejam dan mungkar. Kini imej Jiang Zemin sudah menjadi buruk sekali, kedudukannya menjadi serba rumit dan tenat di dalam dan di luar negeri, dan sedang menghadapi pelbagai dakwaan perundangan untuk dibawa ke mahkamah antarabangsa.

PKC pada asalnya berniat menggunakan penindasan ini untuk mengukuhkan pemerintahan zalimnya, akhirnya bukan sahaja tidak dapat menambah tenaganya, malah sebaliknya telah menghauskan tenaganya. Sekarang PKC sudah teruk sehingga tidak dapat diselamatkan, sama seperti sebatang pokok yang sudah reput, tanpa tiupan angin juga akan tumbang dengan sendirinya. Sebarang angan-angan dan usaha untuk menyelamatkan PKC akhirnya akan mengingkari arus sejarah, bukan sahaja tidak ada gunanya, malahan sebaliknya akan membinasakan masa depan sendiri.

Kesimpulan

Jiang Zemin, setiausaha agung PKC ketika itu adalah pemula, perancang dan pengarah penindasan ini. Dengan menggunakan sepenuh kuasa, kedudukan, taktik menyeksa orang dan mekanisme pergerakan PKC, dia telah melaksanakan penindasan terhadap Falun Gong, dan harus bertanggungjawab terhadap dosa dalam sejarah ini. Daripada segi yang lain, sekiranya tanpa PKC, Jiang Zemin juga sama sekali tidak mampu memulakan dan melaksanakan penindasan jahat ini. Sejak hari didirikan, PKC sudahpun bermusuhan dengan keadilan dan kealiman, menjadikan taktik menindas dan menyeksa sebagai kepakarannya, dan menggunakan fahaman “parti tunggal menguasai negara” sebagai dasar pemerintahannya. Disebabkan sifat tabiinya, PKC takut kepada “Sejati, Baik, Sabar”, bermusuhan dengan Falun Gong. Penindasan dan Penyeksaan yang dilakukannya kepada Falun Gong sudah menjadi perkara yang tidak dapat dielakkan. Jiang Zemin dan PKC ketika menyerang “Sejati, Baik, Sabar”, telah menyebabkan kepaluan, kejahatan, keganasan, keracunan, kesesatan,

gejala rasuah dan sebagainya mengambil kesempatan untuk berleluasa di bumi ini, dan ini pula disusuli dengan kejatuhan moral yang meluas di bumi China, yang menjejaskan semua orang.

PKC dan Jiang Zemin saling memperalat antara satu sama lain, berpakat muslihat antara satu sama lain, justeru mengikatkan nasib kedua-duanya bersama. Kini Falun Gong sedang mendakwa Jiang Zemin, dan kelak apabila Jiang Zemin diberkas dan dijatuhkan hukuman, nasib PKC pun dapat dibayangkan.

Melaksanakan penindasan yang tidak berperikemanusiaan terhadap sekumpulan orang yang baik yang mengikuti “Sejati, Baik, Sabar”, tidak akan diestuai Tuhan. Kejahatan Jiang Zemin dan PKC akan tinggal sebagai satu pengajaran yang kekal dan mendalam buat manusia.

Nota:

[1] Untuk maklumat yang lebih lanjut tentang kes ini boleh didapati di:
<http://www.clearwisdom.net/emh/articles/2004/7/23/50560p.html>
<http://www.clearwisdom.net/emh/articles/2004/6/7/48981p.html>

[2] Untuk maklumat yang lebih lanjut tentang kes ini boleh didapati di:
<http://www.clearwisdom.net/emh/articles/2004/9/25/52796.html>

[3] Maklumat yang berkenaan juga boleh didapati melalui:
<http://search.minghui.org/mh/articles/2004/7/9/79007.html> (dalam bahasa Mandarin)

[4] Li Xiannian (1902 – 1992), bekas Presiden China (1983-1988), dan presiden kepada Persidangan Penasihat Politik Rakyat (1988-1992). Dia merupakan bapa kepada isteri Jiang Zemin. Chen Yun (1905-1995), salah seorang daripada pemimpin komunis China yang sangat berpengaruh. Chen juga merupakan ahli bagi Jawatankuasa Politburo selama beberapa dekad, dan menjadi pengerusi Jawatankuasa Penasihat Pusat dari 1987 ke 1992.

[5] Qigong adalah merupakan nama umum bagi latihan tenaga batin Cina. Terdapatnya banyak aliran qigong, dan kebanyakannya berpokok pangkal daripada kepercayaan kerohanian tradisional. Falun Gong ialah sejenis qigong.

[6] Pada 1992, Deng Xiaoping keluar daripada keadaan separuh bersara, mengunjungi Shenzhen di selatan China yang berdekatan dengan Hong Kong, dan memberikan ceramah untuk mempromosikan pasaran ekonomi sosialis di China. Pengunjungan Deng secara umumnya dianggap bagi menyalakan semula reformasi ekonomi selepas kemelesetan dengan berlakunya kejadian Pembunuhan Beramai-ramai Lapangan Tiananmen pada 1989.

[7] Dikesani pada 1973, Tapak Peninggalan Kebudayaan Hemudu yang berusia 7,000 tahun, merupakan tapak perkampungan bersejarah dalam Zaman Batu Baru.

[8] Bekas pengerusi kepada Kongres Rakyat Nasional China.

[9] Deng sering berkata, “Tidak kira sama ada kucing hitam atau kucing putih, selagi dapat menangkap tikus maka ialah kucing baik”, yang bermaksud matlamat bagi reformasi ekonomi adalah untuk membawa kemakmuran kepada rakyat, dan tanpa mengira bentuknya sama ada sosialis atau kapitalis.

[10] Seorang intelektual wanita yang diseksa sehingga mati oleh PKC semasa Revolusi Kebudayaan kerana berani menyuarakan kebenaran.

[11] Badan negeri China yang bertanggungjawab terhadap pendakwaan dan pengawasan undang-undang. Fungsinya termasuk memutuskan penahanan dan pendakwaan terhadap kes jenayah yang utama, menjalankan penyiasatan, memulakan dan menyokong pendakwaan umum, menterjemahkan undang-undang dalam aplikasi spesifik, mengawasi keputusan mahkamah, memantau prosedur kehakiman, dan melakukan pengawasan terhadap aktiviti dalam penjara, pusat penahanan dan kem buruh kerja paksa.